

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [ BUKIT BENDERA ]**  
**TARIKH** : **11.6.2014**  
**SOALAN** :

**Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan semua agensi Kerajaan termasuk JPM dan Kementerian Pendidikan bagi lawatan kerja rombongan YAB. Timbalan Perdana Menteri ke Dubai, UAE dari 8-12 April 2014, termasuk penggunaan pesawat khas, penginapan, serta perbelanjaan lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ke UEA adalah bertujuan meningkatkan lagi hubungan bileteral pendidikan dan menonjolkan peranan Malaysia dalam hal ehwal pendidikan di peringkat antarabangsa khususnya berkaitan pengajian tinggi. Semasa lawatan tersebut, YAB Tan Sri bersama-sama dengan Menteri Kanan UAE telah merasmikan *Gulf Education and Training Exhibition (GETEX) 2014*, merasmikan Pavilion Pendidikan Malaysia yang menempatkan 27 booth pameran daripada IPT terlibat, menyampaikan ucapan dalam *Annual Investment Meeting (AIM) 2014*, dan menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan ucapan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Diaspora Malaysia di UAE. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan UAE mengenai kerjasama dalam bidang pengajian tinggi yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana Menteri UEA berkaitan mempunyai urusan rasmi kerajaan beliau yang tidak dapat

dielakkan. Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan juga turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri-menteri Kanan UAE, dan mengadakan pertemuan dengan wakil daripada syarikat UEA yang bercadang mengadakan projek usahasama dengan syarikat Malaysia. Pertemuan ini telah memberi impak yang besar kepada Malaysia khususnya dalam bidang perniagaan dan sudah pasti menjana ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lawatan ini merupakan lawatan kerja rasmi yang telah dirancang dengan menggunakan peruntukan sedia ada yang telah diluluskan. Segala kemudahan yang disediakan adalah mengikut kelayakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.